

BAB 3

LANGKAH-LANGKAH KE ARAH DEMOKRASI LIBERAL DARI TAHUN 1945-1949

Kami bangsa Indonesia dengan ini menjetakan
KEMERDEKAAN INDONESIA
hal-hal jang mengenai pemindahan kekoesaan dan lain-
lain, diselenggarakan dengan tjara saksama dan dalam tempo jang
sesingkat-sesingkatnja.

Djakarta, hari 17 Boelan 8 tahoen
1945, atas nama bangsa Indonesia
Sukarno-Hatta¹

PENGENALAN

Bab ini akan membicarakan usaha-usaha awal kearah Demokrasi Liberal. Perbincangan akan memokus kepada konflik antara pemimpin-pemimpin utama untuk menegakkan Demokrasi Liberal. Bab ini dapat memberi gambaran awal tentang konflik berterusan individu semasa Demokrasi Liberal diperkenalkan.

Persiapan Kemerdekaan Indonesia

Pada akhir tahun 1944, apabila Jepun terpaksa berundur dari sebahagian kawasan di Pasifik Selatan, mereka telah menjanjikan kemerdekaan kepada Indonesia². Pada 1 Mac 1945, Jepun telah mendirikan satu Badan Penyelidik Usaha Persiapan Kemerdekaan Indonesia (BPKI)³. Tujuan BPKI adalah untuk mempertimbangkan semua aspek politik dan pemerintahan supaya dapat memberikan kemerdekaan kepada Indonesia. Jepun berpendapat dengan adanya perbincangan dalam BPKI maka tentu akan wujud berbezaan

¹Lihat Pidato P.J.M. Presiden Republik Indonesia dalam mengumumkan Proklamasi Kemerdekaan Indonesia pada Tanggal 17 Augustus 1945, Djum'at Djam 10.00 pagi di gedung Pegangsaan Timur Djakarta.

²Jepun sedar bahawa kekalahan sedang menghampiri mereka dan sebelum sempat keluar dari bumi Indonesia mahu memerdekakan Indonesia agar bila kuasa berikat kembali mereka akan menghadapi kesukaran untuk menguasai Indonesia. Lihat G.M.Kahin, Governments and Politics, hlm.198. Lihat juga Pandji Poestaka, 15 September 1944, hlm.568.

³Lihat Majalah Kan Po (Berita Pemerintah), No.67,25 Mei 1945.

pendapat antara kedua-dua kumpulan iaitu pejuang-pejuang nasionalis dan kumpulan Islam seperti yang sering terjadi dalam sejarah perjuangan kemerdekaan.

Jepun percaya pertelingkahan sesama ahli parti yang mempunyai perbezaan ideologi akan melambatkan lagi usaha kemerdekaan Indonesia. Namun, harapan Jepun nampaknya tidak menjadi kenyataan kerana peranan yang dimainkan oleh Sukarno. Pada 28 Mei hingga 1 Jun 1945, BPKI mengadakan sidang yang pertama. Pada awalnya seperti yang diharapkan oleh Jepun tidak ada satu kata sepakat tentang prinsip dasar kemerdekaan Indonesia.⁴

"... Japanese, attended the sittings with their own plans, rules, and painfully hairsplitting suggestions worked out in advance. No one coordinated with the other. The sophisticates of Java, the traders of Sumatra, the peasants from the outer islands found no common ground. During siesta time from one to five, the Islamist group met separately, the nationalist group met separately, the federalists and Unitarians met separately. Those who claimed our territory constituted exactly the boundaries of the former Netherlands East Indies formed one group. Others who claimed more or were satisfied with less formed another group. Orthodox Moslems pushed for a state on an Islamic-Theocratic basis. There were moderates who decided we were too immature to govern ourselves at all. There was a great twisting and turning and lack of cohesion. For Three days there was solid disagreement concerning the basic principles of Indonesia Merdeka..."⁵

Sukarno yang melihat keadaan ini telah mengambil langkah untuk menyelesaikan krisis ini. Pidato Sukarno, pada 1 Jun 1945 merupakan salah satu klimaks yang penting dalam karier politiknya. Sukarno seperti biasa meminta sidang supaya bersatu dengan menepikan semua perbezaan pendapat demi untuk mencapai

⁴Pada Julai 1944, Pulau Saipan yang strategik jatuh ketangan Amerika, Pulau-pulau yang terletak di jalan perairan antara Jepun dan Indonesia satu demi satu jatuh ketangan tentera bersekutu. Pada 7 September 1944, Tokyo mengumumkan janji kemerdekaan. Pada Februari 1945 Jepun kehilangan Filipina. Ia diikuti pada April 1945, Amerika Syarikat mendarat di Okinawa dan peristiwa ini memberi peluang kepada kemerdekaan Indonesia. Untuk lebih lanjut sila rujuk Pidato P.J.M. Presiden Republik Indonesia dalam memperingati 1 tahun kemerdekaan Indonesia pada tanggal 17 Augustus 1946, Sabtu djam 9.57 pagi di Kepresidenan (Gedung Agung) Djogjakarta.

⁵Cindy Adams, Sukarno: An Autobiography, hlm.195-197.

kemerdekaan Indonesia.⁶ Sukarno dalam pidatonya mengungkapkan gagasan-gagasan yang merupakan inti-pati politik selama 20 tahun yang dikenali sebagai prinsip Pancasila. Sukarno menerangkan prinsip Pancasila negara itu dengan teliti agar negara Indonesia yang baru merdeka mempunyai ideologi negara. Berikut adalah intipati prinsip dasar itu iaitu :

1. *Nasionalisme*
2. *Internasionalisme*
3. *Demokrasi*
4. *keadilan sosial*
5. *Ketuhanan yang Maha-Esa.*⁷

Pancasila

Panca bererti "lima" sedangkan sila bererti "dasar kesusilaan". Berikut adalah satu persatu inti pati Pancasila.⁸Prinsip dasar yang pertama ialah Nasionalisme.Bagi Sukarno nasionalisme bukan bermaksud hanya bebas dari penjajahan asing tetapi mahu mewujudkan rasa kesedaran dalam diri rakyat tanpa mementingkan nasionalisme suku atau kumpulan. Sukarno mahukan persatuan Indonesia meliputi semua Pulau-pulau yang terdapat di Indonesia tanpa mementingkan nasionalisme suku.⁹ Pada masa itu Indonesia belum mempunyai satu persatuan yang kuat. Ini menyebabkan terdapat banyak suku yang masing-masing memperjuangkan hak suku mereka. Contohnya, suku Jawa ada

⁶Lihat Pidato yang diterbitkan dibawah nama "Lahirnya Pancasila" Jakarta, 1950.

⁷Pantja Sila: The Basis Of State of the Republic of Indonesia, Published by National Committee for Commemoration of the Birth of Pantja Sila, 1 June 1945-1 June 1964, (Tanpa tahun), hlm.33.

⁸Sukarno mendapat ilham tentang dasar Pancasila semasa berada di Pulau Flores.Bagi Sukarno Pancasila ini adalah idea tradisi masyarakat Indonesia dan beliau hanya menggali tradisi lama ini untuk disesuaikan dengan situasi semasa.Lihat Pidato Ulang tahun kemerdekaan 17 Augustus 1956 yang bertajuk 'Berilah Isi Kepada Hidupmu', Djum'at djam 8.15 pagi di Istana Merdeka Djakarta.Lihat juga Asia Raya, 14 Augustus 1945.

⁹Sukarno berpendapat definisi nasionalisme ini juga boleh digunakan untuk membenarkan nasionalisme suku seperti Jawa, Sulawesi, Bali dan lain -lain lagi.Ini akan membawa satu kepada satu keadaan yang porak-peranda kepada negara Indonesia di masa akan datang.Lihat J.D.Legge, Sukarno: A Political Biography, hlm.198.

banyak organisasi untuk menjaga kepentingan mereka. Sukarno melalui prinsip pertama berjaya menyedarkan kepentingan nasionalisme dalam konteks yang lebih luas.

Prinsip dasar yang kedua pula ialah internasionalisme iaitu menghormati kedaulatan bangsa-bangsa lain. Di sini Sukarno lebih mementingkan faktor kemanusiaan dalam urusan antarabangsa sepertimana yang dilaungkan oleh Gandhi iaitu:

"saya seorang nasionalis, tetapi kebangsaan saya adalah peri-kemanusiaan" ¹⁰

Prinsip nasionalisme yang sempit akan membawa masalah dalam hubungan antarabangsa seperti mana yang dilakukakan oleh pihak Barat. Sukarno berpendapat Nasionalisme tidak subur jika ia tidak mempunyai hubungan antarabangsa.¹¹ Pihak Barat menyerang dan menguasai negeri lain dengan menekankan nasionalisme sempit. Ini adalah tidak adil kerana setiap negara mempunyai hak untuk menentukan pemerintahan sendiri. Sukarno juga mahukan hubungan nasionalisme yang erat dengan dunia antarabangsa.

Prinsip yang ketiga ialah prinsip Demokrasi dan ia tidak sama dengan konsep Demokrasi Barat. Demokrasi yang dimaksudkan oleh Sukarno ialah Musyawarah dan Muafakat seperti yang diwarisi oleh negaranya. Konsep Demokrasi yang ditekankan oleh Sukarno ialah seperti berikut:

"Semua untuk semua , satu untuk semua, semua untuk satu dan bukannya menjadi negara untuk kepentingan satu orang atau satu golongan" ¹²

Semua kumpulan perlu mempunyai wakil dan perbincangan (Musyawarah) yang melibatkan semua pihak dan kata sepakat dari semua pihak termasuk kumpulan minoriti akan dapat menghidupkan konsep demokrasi mengikut amalan tradisi Indonesia.

¹⁰ Panitia Lima, Uraian Pancasila, Jakarta, 1977, hlm.76.

¹¹ Lihat Sukarno, Majalah " Suluh Indonesia Muda" 1932 dalam Dibawah Bendera Revolusi, hlm.121-157.

¹² Pidato Presiden Republik Indonesia pada ulang tahun kemerdekaan 17 Agustus 1951 yang bertajuk "Tjapilah: Tata-Tenteram-Kerta-Ra hardja' Djum'at djam 8.36 pagi di Istana Merdeka Djakarta.

Prinsip yang keempat ialah keadilan sosial. Mengikuti prinsip ini, Sukarno mahukan keadilan sosial kepada semua rakyat Indonesia tanpa ekonomi dibolosi oleh kumpulan tertentu seperti kaum kapitalis. Bagi Sukarno yang menjadi matlamat utamanya di bawah prinsip ini ialah persamaan dalam politik dan ekonomi kepada Indonesia.¹³

Prinsip kelima pula ialah KeTuhanan yang Maha Esa¹⁴. Sukarno mahukan toleransi dan rasa hormat-menghormati antara satu agama dengan agama yang lain. Pada masa itu, walaupun penduduk Islam lebih ramai daripada agama lain namun untuk kesejahteraan dan keamanan negara Indonesia, Sukarno meminta masing-masing mengamalkan kepercayaan ber-Tuhan dan Tuhannya mengikuti ajaran agama masing-masing iaitu orang Kristen mengikuti petunjuk Isa, orang Islam mengikuti petunjuk Nabi Muhammad dan orang Buddha menurut kitab-kitabnya tetapi semua ber-Tuhan. Prinsip kelima ini diterangkan seperti berikut:

"marilah menyusun Indonesia Merdeka dengan bertaqwa kepada tuhan yang Maha Esa akan tetapi bukan sahaja bangsa Indonesia ber-Tuhan, tetapi masing-masing orang Indonesia hendaklah Ber-Tuhan sendiri." ¹⁵

Pidato Sukarno yang berapi-api ini dan ideologi yang diterapkan telah mengeratkan kerjasama antara semua parti dan sebulat suara telah menjadikan Pancasila sebagai ideologi negara Indonesia. Pidato ini juga berjaya menyatukan semua jenis perbezaan pendapat yang hampir-hampir mengagalkan proses kemerdekaan Indonesia.

¹³Untuk analisis ucapan mengenai Pancasila, lihat versi Inggeris yang diterbitkan di Jakarta pada tahun 1952 oleh Kementerian Penerangan Indonesia. Lihat juga G.M. Kahin, Nationalism and Revolution in Indonesia, hlm.122-127, Lihat juga B.R.O.G. Anderson, Some Aspects of Indonesian Politics Under Japanese Occupations, hlm.24-6 dan Lihat Dahm, Sukarno and Indonesian Independence, hlm.336-343.

¹⁴Mohammad Hatta, Sekitar Proklamasi 17 Agustus 1945, 1970, hlm.59.

¹⁵Lihat Pantja Sila: The Basis of State of the Republic of Indonesia, hlm.33.

Analisa Pemikiran Sukarno

Gagasan-gagasan pemikiran Sukarno dalam Pancasila bukan sesuatu yang baru. Kebanyakan prinsip yang dikemukakan ini telah pun menjadi pemikiran sebelumnya. Contohnya, keadilan sosial dan kepercayaan kepada Tuhan yang dikemukakan oleh Sukarno ini banyak terdapat dalam tulisan-tulisan beliau terdahulu iaitu " Nasionalisme, Islam dan Marxisme"¹⁶. Sukarno juga sudah pun mengemukakan bentuk Demokrasi yang sesuai dengan keperibadian Indonesia iaitu musyawarah dan muafakat bukannya konsep Demokrasi Barat juga terdapat dalam tulisan terdahulu beliau¹⁷. Nyata, dari awal lagi Sukarno tidak begitu setuju dengan konsep Demokrasi Liberal.

Analisa peranan Sukarno

Pidato Sukarno tentang Pancasila ini membawa kerjasama yang mengagumkan antara semua kumpulan. Perkara menarik yang perlu diberi perhatian ialah peranan Sukarno. Di sepanjang karier politik Sukarno beliau sentiasa mementingkan perpaduan dan kerjasama antara semua parti untuk mencapai kemerdekaan Indonesia¹⁸. Bila timbul perbezaan pendapat, masalah perpaduan, perpecahan dalam parti, persaingan antara parti-parti politik, Sukarno akan menjadi satu kuasa yang luar biasa untuk menyatukan semua pihak. Sukarno merupakan tokoh sentral dalam semua situasi yang diterima oleh semua pihak sama ada pihak lawan atau pun kawan. Peranan seperti ini telah memberi ruang kepada Sukarno untuk dipilih sebagai Presiden Indonesia selepas diproklamasikan kemerdekaan.

¹⁶Sila rujuk tulisan-tulisan Sukarno sepanjang zaman ini yang terdapat dalam buku kumpulan karangnya, yang bertajuk " Nasionalisme, Islamisme dan Marxisme", " K arah Persatuan", " Demokrasi Politik dan Demokrasi-ekonomi" dalam Dibawah Bendera Revolusi, hlm.1-23,,109-114, dan171-180.

¹⁷Lihat Majalah Fikiran Ra'jat, 1932. Lihat juga Majalah Suluh Muda, 1926.

¹⁸Majalah Suluh Dalam Indonesia Muda, 12 Augustus 1928, hlm.109-113

Selepas 1 Jun 1945, Sukarno kembali menjadi orang penting kerana berjaya menyatukan semua pihak melalui ideologi Pancasila. Selepas pengisytiharan proklamasi dibuat BPKI dipanggil untuk menyempurnakan penggubalan perlembagaan dan melantik Presiden dan wakil Presiden¹⁹. Sukarno telah dipilih sebulat suara sebagai Presiden dan Hatta sebagai wakil Presiden. Oto Iskandar²⁰ telah mencadangkan nama Sukarno sebagai Presiden dan kerana peranannya sebagai tokoh sentral selama ini tidak ada tentangan dari mana-mana pihak, akhirnya beliau menjadi Presiden Indonesia yang pertama.

Proklamasi

Serangan Amerika Syarikat keatas Jepun pada 6 Ogos 1945 di Hiroshima dan 9 Ogos 1945 keatas Nagasaki membawa kepada kejatuhan pendudukan Jepun di Asia Tenggara. Jepun yang sedar tentang keadaan peperangan Pasifik telah berubah dan sedang membawa kekalahan telah bersetuju untuk memberikan kemerdekaan kepada Indonesia²¹. Sebenarnya, Jepun mempunyai tujuan tersirat di sebalik pemberian kemerdekaan²² ini iaitu mahu memalukan pihak bersekutu yang akan mengambil-alih pemerintahan di Indonesia.

¹⁹Lihat Muhammad Yamin, Naskah Persiapan Undang-undang Dasar 1945. Jilid 1, Jakarta 1959, hlm.159.

²⁰Oto Iskandar Dinata rakan rapat Sukarno sejak penubuhan PPPKI pada tahun 1927. Pernah memegang jawatan sebagai Menteri tanpa portfolio dalam Kabinet Sukarno yang pertama. Lihat Government Announcement of August 19, 1945.

²¹Pada masa yang sama ada kumpulan -kumpulan tertentu, khususnya yang diketuai oleh Sjahrir yang tidak mahu menerima kemerdekaan yang dikurniakan oleh Jepun manakala kumpulan pemuda pula berpendapat kemerdekaan harus diperolehi melalui tindakan berani tanpa terhutang budi kepada Jepun. Lihat Asia Raya, 8 Augustus 1945. Lihat juga B.O.R.G. Anderson, Some Aspects of Indonesian Politics Under the Japanese Occupation 1944-1945, hlm.18.

²²Terdapat percanggahan pendapat tentang peristiwa proklamasi ini. Mengikut Soediman, beliau tidak setuju dengan pendapat sesetengah pihak yang mengatakan proklamasi sebagai suatu hasil hasutan Jepun kerana perjuangan secara organisasi sudah bermula sejak tahun 1908-1945. Jadi kejayaan proklamasi bukanlah sebagai akibat dari pemberian tetapi usahanya yang berterusan membebaskan diri dari penjajahan. Lihat Soediman Kartohadiprodjo, Beberapa Pikiran sekitar Pantja-Sila, Penerbit Alumni, Bandung, Indonesia, 1970, hlm.1-3. Lihat juga J.D.Legge, Indonesia, (terjemahan) Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1972, hlm.155.

Pada 15 Ogos 1945, Jepun mengaku kalah tanpa sebarang syarat kepada negara-negara bersekutu.²³ Satu Panitia persiapan kemerdekaan ditubuhkan dan kemerdekaan Indonesia diproklamasikan pada 17 Ogos 1945. Walaupun begitu, di sepanjang pengisytiharaan proklamasi ini Sukarno dan Hatta terpaksa menghadapi pelbagai masalah sehingga ada yang menggugut untuk membunuh Sukarno kerana mengambil masa yang lama untuk memproklamasikan kemerdekaan. Kita juga boleh buat satu perbandingan di antara Indonesia dengan Tanah Melayu tentang langkah-langkah yang diambil oleh pemimpin-pemimpin kedua-dua negara selepas Jepun menyerah kalah.

Selepas zaman Jepun

Kekalahan Jepun ini membawa kepada ruang yang dikenali sebagai 'vacuum of power' di Asia Tenggara.²⁴ Kebijakan pemimpin Indonesia juga harus dipuji pada masa ini kerana tidak mengharapkan penjajah untuk memberikan kemerdekaan malah bertindak untuk mengisytiharkan kemerdekaan Indonesia²⁵. Jika kita lihat, keadaan yang sama juga berlaku di Tanah Melayu selepas Jepun menyerah kalah namun tidak ada

²³Susanto Tirtoprodjo SH, Sedjarah Revolusi Nasional Indonesia: Tahapan Revolusi Bersendjata 1945-1950, P.T.Pembangunan Djakarta, Gunung Sahari 84, Djakarta, 1962, hlm.69. Lihat juga G.M.Kahin, Governments and Politics Of Southeast Asia, hlm.197-199.

²⁴Susanto Tirtiprodjo SH, Sedjarah Nasional Indonesia, hlm.7.

²⁵Apabila membicarakan tentang proklamasi, ramai yang merujuk buku hasil tulisan Adam Malik, "Riwayat dan Perjuangan Sekitar Proklamasi Kemerdekaan Indonesia" sebagai sumber yang penting tentang Proklamasi. Namun Hatta mengkritik buku Adam Malik sebagai "dongeng". Hatta sendiri sebagai orang yang terlibat dalam peristiwa proklamasi telah menulis sebuah buku, hasil kajian selama 6 bulan di East West Center, Honolulu yang bertajuk "Sekitar Proklamasi, 17 Augustus 1945". Bagi Hatta banyak fakta tentang proklamasi telah disalahtafsirkan oleh sesetengah penulis Indonesia termasuk Adam Malik. Terdapat banyak kumpulan semasa pendudukan Jepun ada yang bekerjasama dengan Jepun dan pada masa yang sama menggunakan kesempatan yang diberikan oleh Jepun untuk membangkitkan semangat nasionalisme. Ada juga kumpulan bawah tanah yang kebanyakan golongan pemuda dan Adam Malik merupakan salah seorang dari kumpulan Pemuda Revolusioner. Untuk keterangan lanjut rujuk Hatta, Sekitar Proklamasi, 17 Augustus 1945, Penerbit Tintamas, Djakarta, 1970, hlm.42-44. Lihat juga B.R.O.G.Anderson, Java in A Time of Revolution: Occupation and Resistance, 1944-1946, Cornell University Press, Ithaca, 1972, hlm.66.

tidak serta-merta seperti yang dibuat di Indonesia. Kelemahan Parti Komunis Malaya juga ternyata pada masa ini. Parti Komunis Malaya tidak menggunakan kesempatan 'vacuum of power' ini untuk menguasai keadaan tetapi mengambil kesempatan untuk membalas dendam terhadap penentang-penentangannya.²⁶ Sebagai contoh, kita boleh melihat satu tindakan membalas dendam oleh pihak Komunis terhadap penduduk tempatan pada masa itu:

"a Malay Kampung was surprised by the MPAJA guerrillas..One evening all the inhabitants were herded together in the space by the Mosque, and then bringing some pigs, the guerillas slaughtered them in the Mosque, cooked them and forced the Malays to join them in a feast"²⁷

Pada pendapat saya, mungkin tidak adanya pemimpin-pemimpin yang berpengalaman di dalam Parti Komunis Malaya menyebabkan tindakan yang terburu-buru seperti diatas.Jika kita lihat, keadaan yang sama telah digunakan dengan baik oleh para pemimpin Indonesia untuk memerdekakan Indonesia.

Kelahiran Republik Indonesia

Republik Indonesia baru ini mempunyai sebuah perlembagaan, sebuah Komite Nasional Indonesia Pusat(KNIP) dengan anggotanya seramai 135 orang dan sebuah Kabinet yang bertanggungjawab kepada Presiden.²⁸Walaupun kemerdekaan Indonesia sudah diproklamasikan namun penjajah Belanda tidak menerima apatah lagi untuk mengisytiharkan kemerdekaan Indonesia. Belanda berpendapat kemerdekaan Indonesia

²⁶Lihat New Straits Times,1 Oktober 2003dan New Straits Times, 3 Oktober 2003.Lihat juga Cheah Boon Kheng, Red Star over Malaya: Resistance and Social Conflict during and after the Japanese Occupation of Malaya, 1941-1946, Singapore University Press, National University of Singapore, 1983, hlm.195.

²⁷Kenelm O.L.Burridge, " Racial Relations in Johore", Australian Journal of Politics and History 2, no.2, 1957, hlm.163.

²⁸Lihat G.M.Kahin, Governments and politics, hlm.199.Lihat juga B.R.O.G.Anderson, Some Aspects of Indonesian Politics under Japanese Occupation: 1944-1945, hlm105-126.

adalah satu hasil hasutan Jepun dan ia tidak mahu mengiktirafkan kemerdekaan Indonesia. Belanda telah menghantar askar-askar British atau askar-askar Berikat untuk menguasai pemerintahan Indonesia.²⁹ Keadaan ini membawa kepada satu zaman yang dikenali sebagai zaman revolusi di Indonesia.

Zaman Revolusi

Tahun diantara 1945-1949 dikenali sebagai zaman Revolusi. Pemimpin Indonesia mengisytiharkan Revolusi terhadap kerajaan Belanda. Seluruh rakyat Indonesia telah berganding bahu untuk mengekalkan proklamasi kemerdekaan yang diisytiharkan itu³⁰. Pasukan tentera seperti PETA yang ditubuhkan pada zaman Jepun telah menguatkan lagi perjuangan menentang tentera Belanda³¹. Belanda juga tidak putus asa untuk mendapatkan kembali Indonesia yang makmur. Dalam pada masa yang sama kerajaan yang ditubuhkan oleh pemimpin Indonesia sebelum kedatangan Belanda diteruskan dan pada masa ini langkah-langkah serius telah diambil untuk memperkenalkan sistem Demokrasi Liberal di Indonesia. Sepanjang masa berlakunya Revolusi ini usaha-usaha pembentukan Kabinet masih diteruskan. Boleh dikatakan zaman Revolusi ini adalah satu jangkamasa yang sangat penting untuk menegakkan Demokrasi Liberal di Indonesia.

Di Indonesia perkataan Revolusi ini mempunyai makna yang khas dari segi politik, sosial, ekonomi, kebudayaan dan ini menyebabkan Revolusi ini erat hubungan dengan kemerdekaan Indonesia. Mengikut Sukarno Revolusi, negara Indonesia sangat berbeza dengan Revolusi negara-negara lain. Baginya Revolusi negara India terhadap Inggeris di

²⁹Peristiwa pendaratan askar-askar Berikat ini membawa kepada tindakan revolusioner dari pihak tentera Indonesia yang mendapat latihan dari tentera Jepun. Lihat Soera Rakjat, 3 Oktober 1945. Lihat juga team Asistensi Pangdam II /Bukit Barisan, Sejarah Perjuangan Komando Daerah militerII/Bukit Barisan, jilid 1, Medan, 1977, hlm.107. Lihat juga Suratkhbar Independent, 29 Disember 1945.

³⁰A.H.Nasution, Sekitar Perang Kemerdekaan Indonesia, Jilid 1, Proklamasi, hlm.71-152.

³¹ Suratkhbar Independent, 29 Disember 1945.

lakukan oleh golongan 'borjuasi' India dan juga kelas menengah. Kedua-dua golongan ini mempergunakan rakyat jelata untuk melakukan Revolusi.

Manakala Revolusi Amerika pula sangat berbeza dengan Revolusi India kerana Amerika dalam Revolusinya tidak menggunakan seluruh tenaga rakyat tetapi sekadar menggunakan kekuatan individu dari kaum atasan seperti Thomas Jefferson, Thomas Paine, George Washington dan lain-lain untuk membentuk tentera dan bertempur dengan pihak Inggeris. Mengikut Sukarno lagi, Revolusi Perancis juga dikemukakan oleh golongan kelas pertengahan(middle class) tetapi Revolusi Indonesia sangat berbeza kerana ia disertai seluruh rakyat Indonesia iaitu dari kelas buruh, kelas tani, kelas bordjuis kecil, pemuda-pemudi serta banyak pihak yang lain.³²

Kritikan

Namun pada pendapat saya, dakwaan Sukarno yang mengatakan Revolusi di Indonesia melibatkan seluruh rakyat Indonesia adalah tidak benar. Seperti negara-negara lain, Revolusi di negara Indonesia juga dikemukakan oleh golongan atasan dan juga golongan kelas pertengahan. Contohnya, Sukarno sendiri adalah dari golongan Priyayi (bangsawan). Hatta pula merupakan seorang dari keluarga yang berada, Tjokroaminoto berasal dari golongan bangsawan yang menjadi pemimpin Syarikat Islam, Tan Malaka juga dari bangsawan, Sjahrir dari elit Barat dan ramai lagi. Perangkaan jelas menunjukkan dalam 28 tahun pertama pada abad 20 yang lulus dari Sekolah Belanda hanya 279 orang Indonesia yang hampir seluruhnya terdiri dari anak-anak pegawai negeri

³²Lihat perbincangan menarik tentang Revolusi oleh Sukarno dalam Pantja Sila: The Basis of State of the Republic of Indonesia, Published by National Committee for Commemoration of the Birth of Pantja Sila, 1 June 1945-1 June 1964,(Tanpa Tahun), hlm.33.

dan priyayi. Kebanyakan anak bangsawan inilah kemudiannya memperjuangkan kemerdekaan Indonesia.

Apa yang dapat disimpulkan ialah Sukarno menggunakan istilah revolusi untuk menaikkan semangat rakyat dengan retorik yang menarik. Namun dari penjelasan Sukarno ini kita boleh membuat kesimpulan bahawa setiap revolusi mempunyai sifat dan watak tersendiri yang ditentukan oleh keadaan-keadaan dan juga objektif dari keadaan itu. Revolusi Indonesia dikatakan sangat unik berbanding negara lain dan ini diterangkan seperti berikut:

"... maka oleh kerana itu Revolusi kita mempunyai karakteristik Indonesia sendiri, berbeda dengan revolusi-revolusi orang lain. Maka oleh kerana itu, Revolusi kita mempunyai keperibadian Revolusi Indonesia, bukan dijiplakan revolusi-revolusi orang lain- mempunyai 'tjap' Indonesia sendiri dan dus mempunyai 'tjap' persoalan-persoalan Indonesia sendiri, yang berbeda daripada persoalan-persoalan revolusi orang lain. Lebih-lebih lagi: Revolusi Indonesia mempunyai persoalan-persoalan yang tidak sama dengan persoalan rakyat-rakyat lain yang tidak di dalam revolusi."³³

Semasa berlakunya zaman Revolusi ini dari tahun 1945-1949, pemerintah Indonesia begitu bersungguh-sungguh mahu memperkenalkan Demokrasi Liberal di Indonesia. Usaha murni ini telah dilakukan oleh pemimpin-pemimpin lain seperti Sjahrir, Hatta, Amir Sjarifuddin walaupun Sukarno tidak begitu bersetuju. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pemimpin-pemimpin Indonesia untuk memperkenalkan Demokrasi Liberal? Berikut adalah usaha-usahanya itu.

³³Ucapan Presiden Sukarno sempena ulang tahun proklamasi kemerdekaan ke-13, dikatakan sangat penting kerana beliau secara terus-terang telah mengkritik Demokrasi Liberal yang diamalkan di Indonesia kerana dikatakan ia tidak sesuai dengan keperibadian rakyat dan beliau keluar dengan idea "Demokrasi Terpimpin" yang dikatakan sangat sesuai kepada Indonesia dan juga dapat menyelesaikan pelbagai masalah dalaman negara. Lihat, Pidato ulang tahun, 17 Augustus 1957, yang bertajuk "Suatu tahun ketentuan". Lihat juga Tjapkan Pantja Sila: Pantja Sila Dasar Falsafah Negara, Panitia Nasional Peringatan Lahirnya Panitia Sila, 1 Djun 1945- 1 Djun 1964. (Penerbit dan tahun Terbitan tidak diberikan), hlm.39-41.

Langkah-langkah kearah Demokrasi Liberal

Pengisytiharaan proklamasi dan keengganan Belanda mengiktirafkan kemerdekaan Indonesia telah membawa kepada satu zaman yang dikenali sebagai zaman Revolusi di Indonesia.³⁴ Zaman antara November 1945 hingga Disember 1949 iaitu selama berlakunya perang kemerdekaan melawan kerajaan Belanda, dalam kenyataannya sudah ada langkah-langkah kearah Demokrasi seperti yang diharapkan oleh golongan elit Barat.³⁵ Kerajaan Indonesia di bawah pimpinan Sukarno telah mengorak langkah ke arah Demokrasi dengan mengaplikasikan sistem parlimen cara Barat berdasarkan sistem banyak parti. Sistem banyak parti boleh dikatakan telah membawa banyak masalah kepada seluruh negara Indonesia.³⁶

Parti politik menguasai percaturan politik di dalam Jawatankuasa Nasional Indonesia baik dipusat ataupun diperingkat daerah. Kelemahan sistem banyak parti boleh dilihat dalam Kabinet Indonesia dari tahun-tahun 1945-1949. Berikut adalah susunan Kabinet dari tahun 1945-1949 yang memerintah Indonesia. Kabinet pertama dalam zaman Revolusi ialah Kabinet Sukarno atau pun dikenali sebagai Kabinet Presiden.³⁷

Kabinet dari tahun 1945-1949

I Kabinet Presiden, 31 Ogos 1945 hingga 14 November 1945

II Kabinet Sjahrir yang pertama, 14 November 1945 hingga 12 Mac 1946

III Kabinet Sjahrir yang kedua, 12 Mac 1946 hingga 2 Oktober 1946

³⁴Lihat A.H.Nasution, Sekitar Perang kemerdekaan Indonesia, Proklamasi 1, hlm.vii.

³⁵Lihat Nugroho Notosusanto, Pejuang dan Prajurit: Konsepsi dan Implementasi Dwifungsi ABRI, (ed.), Penerbit Sinaran Harapan, Jakarta, 1985, hlm.33.

³⁶Lihat Penerangan tentang Demokrasi oleh Sukarno, Dibawah Bendera Revolusi, Jilid 1, Panitia Penerbit Dibawah Bendera Revolusi, 1965, hlm.579. Lihat juga Harian Merdeka, 25 Augustus 1945

³⁷Government Announcement of August 19, 1945. Kabinet pertama ini ditubuhkan atas Undang-undang dasar 1945. Namun Kabinet ini terpaksa letak jawatan untuk memberikan laluan kepada Kabinet Demokrasi yang pertama.

- IV Kabinet Sjahrir yang ketiga, 2 Oktober 1946 hingga 27 June 1947*
V Kabinet Amir Sjarifuddin yang pertama, 3 Julai 1947 hingga 11 November 1947
VI Kabinet Amir Sjarifuddin yang kedua, 11 November 1947 hingga 29 Januari 1948
VII Kabinet Hatta yang pertama, 29 Januari 1948 hingga 4 Ogos 1949
VII A Kabinet 'Emergency', 19 Disember 1948 hingga 13 Julai 1949
*VIII Kabinet Hatta yang kesdua, 4 Ogos 1949 hingga 20 Disember 1949*³⁸

Kabinet Sukarno

Kabinet pertama Presiden Sukarno ditubuhkan pada 31 Ogos 1945.³⁹ Kabinet Sukarno ini bertanggungjawab penuh kepada beliau dan kebanyakan yang menganggotai Kabinet presiden merupakan golongan tua semasa Kabinet Sukarno. Peranan intelek muda meningkat sehingga mereka diberi keutamaan dalam pentadbiran.⁴⁰ Sjahrir telah mengkritik sistem yang memberikan kuasa kepada Presiden. Beliau mahukan Demokrasi Liberal diperkenalkan pada masa ini menggantikan sistem yang sedia ada. Cadangan Sjahrir mendapat sokongan dari semua pihak. Akhirnya kuasa perundangan diberikan kepada KNIP (Komite Nasional Indonesia Pusat).

Pada masa ini sudah wujud perbezaan-perbezaan pendapat yang menjadi permulaan persaingan antara pemimpin Indonesia. KNIP telah diberikan kuasa perundangan dan Presiden dihadkan kuasa. Sjahrir menjadi orang utama dalam perubahan ini iaitu memisahkan kedudukan presiden dari kedudukan pemimpin eksekutif. Presiden perlu menerima Kabinet-kabinet yang mendapat sokongan KNIP. Perubahan ini,

³⁸Lihat satu susunan Kabinet Indonesia dari awal tahun 1945 hingga 1965 iaitu sehingga kejatuhan Sukarno telah diselenggarakan mengikut urutan Kabinet masing-masing. Semua jawatan penting beserta pemegang portfolio disusun dengan lengkap dalam buku ini. Lihat Susan Finch dan Daniel S. Lev, Republic of Indonesia Cabinets, 1945-1949, Cornell Modern Indonesia Project, Ithaca, 1965, hlm.1.

³⁹Government Announcement of August 19, 1945.

⁴⁰Kahin, Nationalism and Revolution in Indonesia, Ithaca, 1952, hlm.153.

jelas meletakkan Presiden sebagai satu simbol kehormat tanpa kuasa sebenar.⁴¹ Sukarno menerima semua perubahan ini dengan sabar.

Selain menghadkan kuasa Presiden, ada juga situasi lain yang jelas memperlihatkan perbezaan pendapat antara Sukarno dengan pemimpin lain tentang sistem parti politik. Sukarno lebih cenderung kepada sistem satu parti manakala KNIP pula lebih cenderung kepada sistem banyak parti. Penubuhan parti-parti politik ini telah mengorak langkah kearah Demokrasi berparlimen di Indonesia.⁴² Keadaan ini menyebabkan Kabinet Presiden yang hanya berusia enam setengah bulan meletakkan jawatan dan Sjahrir pula dipilih menjadi Perdana Menteri untuk meneruskan cita-cita Demokrasinya.⁴³ Sjahrir sebagai tokoh utama diberi kepentingan untuk membentuk Kabinet Sjahrir pertama.

Kabinet Sjahrir I

Pada awal pemerintahan Sjahrir berjaya memperkenalkan beberapa pembaharuan seperti penubuhan parti-parti politik. Hasilnya terdapat beberapa buah parti yang terkenal iaitu Masjumi, PNI, Parti Sosialis dan Komunis yang mula mengorak langkah untuk menguasai percaturan politik Indonesia. Pembaharuan seterusnya ialah Kabinet yang bertanggungjawab kepada KNIP dan memisahkan kuasa pemerintahan dari Presiden. Sjahrir menghadapi beberapa masalah utama dalam sistem Demokrasi ini. Kabinet

⁴¹Kenapakah Sukarno sanggup menerima perubahan ini sehingga hilang kekuasaannya sebagai presiden. Alasan pertamanya ialah beliau runding mengenai tentera bersekutu yang kemungkinan akan menahan beliau kerana berkerjasama dengan Jepun. Faktor kedua pula ialah mahu elakkan kritikan dari golongan muda terhadap corak pemerintahan beliau yang dikatakan autokratik. Ibid.

⁴²Sukarno mahukan sistem satu parti dan untuk itu beliau mahu hidupkan kembali PNI dan ia dijadikan wadah utama untuk memperjuangkan hasratnya. Namun hasrat ini mendapat sambutan dingin dari KNIP yang diketuai oleh Sjahrir dan berpendapat sistem satu parti ini lebih bersifat autokrasi dan mereka mahukan sistem demokrasi yang membenarkan banyak parti. Ibid.

⁴³Akhirnya Sukarno menerima Kabinet Sjahrir sebagai pemerintah Republik Indonesia. Lihat A.K. Pringgodigdo, The Office of President in Indonesia as Defined in Theory and Practice, Ithaca, 1957. hlm.26.

Sjahrir I menghadapi 3 cabaran yang penting untuk mengekalkan sistem Demokrasi Liberal di Indonesia. Cabaran yang pertama ialah ketibaan pasukan Inggeris yang akan bertugas menerima penyerahan Jepun atas nama Tentera Bersekutu. Cabaran yang kedua pula ialah penentangan dan perpecahan dalam negara Indonesia terhadap pemerintah dan cabaran yang ketiga pula ialah rundingan dengan Belanda.⁴⁴

Cabaran pertama dan kedua dapat diatasi dengan mudah namun cabaran yang ketiga telah membawa satu senario politik yang menggugat kedudukan Sjahrir. Tan Malaka yang kembali ke Indonesia telah menubuhkan Persatuan Perjuangan.⁴⁵ Tan Malaka melalui Persatuan Perjuangan menentang semua bentuk rundingan dengan Belanda dan mahukan rundingan dimulakan selepas tentera musuh meninggalkan Indonesia. Tuntutan Persatuan Perjuangan mendapat sokongan dari semua organisasi pembangkang dan juga masyarakat umum.

Tuntutan Persatuan Perjuangan ini sukar ditunaikan oleh Kabinet Sjahrir I kerana pihak Belanda berpendapat Indonesia akan tetap menikmati taraf yang penting namun ia akan kekal dibawah pemerintahan kuasa Belanda. Persatuan Perjuangan telah memperhebatkan kempen mereka sehingga mendapat sokongan kuat dari semua pihak. Di dalam KNIP di Solo⁴⁶ majoriti anggota KNIP menentang kebijaksanaan Perdana Menteri Sjahrir yang mahukan rundingan dengan Belanda. Kekuatan pembangkang yang diterajui

⁴⁴Jika kita teliti, penentangan terhadap Kabinet ini ia lebih bersifat kepentingan individu yang mahukan kuasa. Sikap sedemikian ini telah membawa beberapa masalah dalam kabinet-kabinet seterusnya. Sultan Sjahrir, *Our Struggle*, Projek Penterjemahan karangan -karangan Indonesia Modern, 1968, hlm.68.

⁴⁵Tan Malaka kembali ke Indonesia selepas 20 tahun berkhidmat diperingkat antarabangsa sebagai wakil Komunis antarabangsa. Pada 15 Januari 1946 beliau telah menubuhkan satu persatuan yang dikenali sebagai Persatuan Perjuangan untuk menentang pemerintah pada masa itu dan seterusnya mahu menubuhkan kerajaan sendiri. Persatuan Perjuangan ini mendapat sokongan kuat dari semua organisasi pembangkang. Lihat *Berita Republik Indonesia*, No.7, Tahun II, 1 Februari 1946, hlm.56.

⁴⁶Perjumpaan KNIP ini diadakan di Solo, Jawa yang bermula pada 28 Februari 1946 hingga 2 Maret 1946.

oleh Persatuan Perjuangan di bawah pimpinan Tan Malaka menyebabkan Kabinet Sjahrir I hilang majoriti di Parlimen.

Kritikan dan penentangan yang berterusan dari Persatuan Perjuangan menyebabkan Sjahrir letak jawatan sebagai Perdana Menteri. Akhirnya, Sukarno menawarkan pembentukan Kabinet yang baru kepada Persatuan Perjuangan.⁴⁷ Namun Persatuan Perjuangan tidak mahu membentuk Kabinet walaupun ditawarkan atas alasan mereka tidak mahu sebarang rundingan dengan pihak Belanda. Keadaan ini telah membuka peluang kepada Sjahrir untuk membentuk Kabinet yang kedua⁴⁸.

Kabinet Sjahrir II

Keengganan Persatuan Perjuangan untuk menubuhkan kerajaan menyebabkan Sukarno melantik Sjahrir sebagai Perdana Menteri dan Sjahrir menubuhkan Kabinet yang keduanya. Selepas menjadi Perdana Menteri beliau bertindak terhadap pemimpin-pemimpin Persatuan Perjuangan dengan menangkap mereka termasuk Tan Malaka.⁴⁹ Sjahrir memberi alasan bahawa tujuan penangkapan pemimpin-pemimpin Persatuan Perjuangan ialah untuk mencegah ancaman kumpulan Persatuan Perjuangan ini yang mahu mendapatkan kuasa dari pemerintah dengan cara mengacaukan, melemahkan dan memecahkan persatuan Indonesia. Sjahrir menuduh, pemimpin Persatuan Perjuangan bukanlah pembangkang yang mempunyai tujuan murni tetapi mahu melemahkan persatuan Indonesia. Selepas kebanyakan pemimpin Persatuan Perjuangan ditangkap ia

⁴⁷Sukarno telah cuba menggunakan kesempatan ini untuk merapatkan semua parti pembangkang yang menentang Sjahrir supaya ia akan menjadi satu kekuatan kepadanya namun Persatuan Perjuangan tidak mahukan mempergunakan keadaan itu.

⁴⁸Lihat Government Announcement of 12, March, 1946.

⁴⁹Tan Malaka merupakan ancaman yang besar kepada kerajaan Sjahrir dan ini menyebabkan Sjahrir terpaksa bertindak dengan tegas untuk meneruskan rancangan rundingan dengan pihak Belanda.

dibubarkan.⁵⁰ Kekacauan dan ketidakstabilan ini memberi kesempatan kepada Belanda untuk memberi tekanan politik dan militer keatas Indonesia.

Peristiwa penangkapan Tan Malaka telah menyebabkan Kabinet Sjahrir II menghadapi masalah dengan pihak tentera, khususnya yang menyokong Tan Malaka. Mejar Jeneral Sudarso merupakan salah seorang penyokong kuat Tan Malaka.⁵¹ Mejar Sudarso bertindak terhadap Sjahrir dengan menangkap beliau.⁵² Langkah Sjahrir yang berunding dengan Belanda turut mendapat bantahan dari tentera kerana tentera merasakan persetujuan Linggadjati memberikan kelebihan konsesi kepada Belanda. Keadaan seperti ini jelas menunjukkan bahawa langkah-langkah dari awal untuk mengimplementasikan Demokrasi di Indonesia menunjukkan kelemahan. Keadaan ini juga membawa kepada persaingan dan perpecahan di antara pemimpin dan parti yang berterusan.

Selepas penangkapan Sjahrir, Mejar Sudarso melawat Sukarno untuk memintanya menggantikan kerajaan Sjahrir dengan kerajaan baru yang diketuai oleh Tan Malaka. Sukarno enggan menurut kehendak kumpulan ini dan cuba menyelesaikan kemelut politik itu dengan segera mengisytiharkan keadaan darurat dan beliau sendiri mengambil alih pemerintahan kerajaan. Akhirnya semua ahli-ahli Persatuan Perjuangan ditangkap dan Sjahrir dibebaskan.⁵³ Peristiwa ini juga menyebabkan Tan Malaka sekali lagi

⁵⁰ Adam Malik, Mengabdikan Republik, Jilid II, Jakarta, 1978, hlm.167-168. Lihat juga Mohammad Hatta, Memoir, Jakarta, 1978, hlm.481-482.

⁵¹ Mejar Jeneral Sudarso merupakan pemerintah bahagian ke-3 yang bertanggungjawab keatas Jawa Tengah. Sesetengah pegawai tentera sangat was-was terhadap tindakan Sjahrir kerana berpendapat beliau sedang merancang untuk menggantikan pegawai-pegawai PETA dengan pegawai-pegawai tentera yang pernah berkhidmat dibawah tentera penjajah Belanda. Lihat Kahin, Nationalisme dan Revolution, hlm.177.

⁵² Ada yang berpendapat Sjahrir dicolek dan disembunyikan untuk mendapatkan kuasa pemerintahan. Pada masa itu, ada pegawai tentera yang masih menyokong pemerintah dan ada sesetengah pegawai tentera menyokong kumpulan pembangkang.

⁵³ Lihat Kahin, Nationalism and Revolution, hlm.179. Lihat juga Pidato Radio pada 30 Juni 1946, diterbitkan dalam Akhar Merdeka, 1&2 Juli 1946.

kehilangan peluang untuk menguasai tampuk pemerintahan Indonesia dan beliau ditahan selama dua tahun yaitu 1946 sehingga 1948. Sjahrir selepas dibebaskan kembali untuk menubuhkan Kabinet kali yang ke ketiga.

Kabinet Sjahrir III

Kabinet Sjahrir yang ketiga⁵⁴ ini telah berusaha dengan serius untuk menyelesaikan masalah antara kerajaan Belanda dengan Indonesia. Sjahrir mendesak pihak Belanda agar mengiktiraf Republik Indonesia untuk memudahkan kerjasama di antara kedua-dua pihak. Namun Belanda hanya mengiktiraf Republik sebagai sebahagian daripada kesatuan Indonesia di bawah kerajaan Belanda.⁵⁵ Sjahrir terus berusaha untuk menyelesaikan masalah diantara Indonesia dengan Belanda. Pada 12 November 1946 satu perjanjian yang dikenali sebagai Linggadjati telah dipersetujui bersama oleh kedua-dua pihak.⁵⁶ Isi Kandungan perjanjian Linggadjati adalah seperti berikut:

1. *Kerajaan Belanda mengiktiraf Republik sebagai kuasa hakiki di Jawa dan Sumatera.*
2. *Kedua-dua kerajaan akan bekerjasama menubuhkan kerajaan persekutuan demokrasi yang berdaulat terdiri daripada tiga ahli iaitu Republik (Jawa dan Sumatera), Borneo dan kawasan timur yang dikenali sebagai Persekutuan Indonesia(USI)*
3. *Kerajaan Belanda dan Republik akan bekerjasama membentuk kesatuan Belanda-Indonesia dibawah kerajaan jajahan Belanda*
4. *Penubuhan kesatuan Belanda -Indonesia dan Persekutuan Indonesia akan dirasmikan pada 1 Januari 1949. Kesatuan akan mewujudkan ejennya sendiri dalam usaha menyeleraskan segala hal berhubung dengan kepentingan bersama lebih-lebih lagi dalam hal-ehwal luar negeri, ekonomi dan persoalan kewangan.⁵⁷*

⁵⁴Lihat Decree 3/1946 (October 2, 1946).

⁵⁵Herbert Feith, "Indonesia" dalam G.M.Kahin, Governments and Politics, hlm.201. Lihat juga A.M.W.Pranarka, Sejarah Pemikiran tentang Pancasila, Centre for Strategic and International Studies, Jakarta, 1985, hlm.71. Lihat juga Kedaulatan Rakjat, 16 September 1946.

⁵⁶Perjanjian ini dikenali sebagai Perjanjian Linggadjati. Linggadjati merujuk kepada nama kawasan yang diadakan rundingan. Linggadjati terletak dekat dengan Kota Pelabuhan Tjirebon. Lihat Cindy Adams, Sukarno: An Autobiography, hlm.238.

⁵⁷Perjanjian Linggadjati terdiri dari 17 pasal, pokok-pokok penting sahaja diturunkan disini. Lihat Pidato Presiden Republik Indonesia pada Tanggal 17 Augustus 1947. Lihat juga Bernhard Dahm, History Of Indonesia In The Twentieth Century, hlm.165. Lihat juga Kedaulatan Rakjat, 25 September 1946.

Perjanjian Linggadjati ini tidak membawa kejayaan seperti yang diharapkan oleh Sjahrir. Belanda tidak menepati janjinya seperti yang terdapat dalam isi kandungan. Contohnya, Belanda menubuhkan sebuah negara di Kalimantan Barat di bawah Sultan Hamid II dari Pontianak tanpa izin daripada kerajaan Republik Indonesia⁵⁸. Akhirnya, kerajaan Belanda telah menyediakan satu peraturan bagi pembentukan kerajaan sementara yang akan dianggotai oleh wakil Indonesia dan Belanda. Namun, cadangan kerajaan bersama dan Majlis Hal-Ehwal Luar tidak diterima oleh Republik Indonesia. Walaupun cadangan Belanda ini tidak diterima tetapi Sjahrir telah berusaha sedaya upaya untuk mencari penyelesaian namun tidak berjaya

Rundingan antara Sjahrir dengan pihak Belanda dan kegagalannya seperti yang terdapat di dalam perjanjian Linggadjati telah membawa penentangan dari beberapa parti utama termasuk PNI, Masjumi, PSI dan lain-lain lagi. Kesemua kumpulan yang menolak Perjanjian Linggadjati telah bergabung dalam satu kumpulan dan kumpulan ini dikenali sebagai Benteng Republik Indonesia.⁵⁹ Perdana Menteri Sjahrir sedar jika tidak mencari penyelesaian dengan Belanda maka tentunya Belanda akan bertindak untuk menyelesaikan masalah ini melalui peperangan. Sebagai langkah terakhir beliau terpaksa bersetuju dengan kerajaan sementara dengan Majlis Hal-Ehwal Luar yang dicadangkan oleh Belanda supaya keamanan dan undang-undang dikawasannya terjamin.⁶⁰

⁵⁸Perjanjian Linggadjati walaupun ditandatangani oleh pihak Belanda tetapi Belanda tidak bersungguh-sungguh untuk menepati perjanjian ini. Selepas Perjanjian ini, Pihak Belanda telah menduduki Modjokerto dengan alasan mahu memperbaiki empangan yang pecah. Banyak lagi insiden yang lain menyebabkan Republik Indonesia hilang kepercayaan terhadap Perjanjian ini. Lihat Pidato, Presiden Republik Indonesia pada Tanggal 17 Augustus 1947. Lihat juga Kedaulatan Rakjat, 10 Oktober 1947.

⁵⁹Lihat Soeara Merdeka, 3 Disember 1946.

⁶⁰Lihat Pidato Presiden Republik Indonesia pada Tanggal 17 Augustus 1947.

Walaupun Sjahrir berjaya mendapat sokongan KNIP untuk menandatangani perjanjian Linggadjati namun sikap, Belanda yang tidak berpegang kepada janji dan kesanggupan Sjahrir bertolak ansur dengan Belanda dalam beberapa hal menyebabkan partinya sendiri iaitu Parti Sosialis menentang Sjahrir. Parti-parti lain juga turut mengambil kesempatan ini untuk menjatuhkan Kabinet Sjahrir.⁶¹Langkah Sjahrir menandatangani perjanjian Linggadjati telah menimbulkan kritikan hebat dari pembangkang dan beliau sedar sukar untuk meneruskan rundingan ini. Akhirnya, Sjahrir telah meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri buat kali ketiga pada 27 Jun 1947⁶² dan pembentukan Kabinet jatuh ketangan Amir Sjaifuddin.

Analisis terhadap Kabinet Sjahrir

Analisis berikut akan menunjukkan peranan Sjahrir dalam era Demokrasi Liberal di Indonesia. Kita lihat peranan Sjahrir dalam sejarah politik Indonesia sangat mengagumkan. Beliau merupakan antara tokoh penting yang memainkan peranan untuk menubuhkan sistem Demokrasi Liberal. Peranan beliau juga dihargai sehingga beliau dilantik menjadi Perdana Menteri yang pertama. Keghairan beliau untuk memperkenalkan langkah-langkah kearah Demokrasi nampaknya membawa pelbagai masalah kepada beliau sendiri. Kejayaan Sjahrir memisahkan dan memberikan kekuasaan kepada KNIP untuk memilih Perdana Menteri dan menjadikan KNIP sebagai Parlimen memang satu

⁶¹Perbezaan pendapat dalam Parti Sosialis ini menyebabkan Sjahrir menubuhkan parti baru yang dikenali sebagai Parti Sosialis Indonesia (PSI). Lihat Nasional, 27 Juni 1947.

⁶²Kabinet Sjahrir yang pertama bermula dari 14 November 1945 hingga 12 March 1946. Kabinet Sjahrir yang kedua pula dari 12 March 1946 hingga 2 Oktober 1946. Manakala Kabinet Sjahrir yang ketiga pula dari 2 oktober 1946 hingga 27 June 1947. Lihat Government Announcement of November 14, 1945. Lihat juga Government Announcement of March 12, 1946 dan juga Decree 3/1946 (October 2, 1946).

kejayaan besar namun KNIP inilah yang menjatuhkan Kabinetnya sebanyak tiga kali dan ia dilakukan atas alasan yang remeh-temeh.

Selain itu, dalam sistem Demokrasi Liberal parti pembangkang merupakan satu unsur yang sangat penting. Sebagai seorang tokoh yang berjuang untuk menegakkan Demokrasi Liberal beliau sendiri tidak dapat menegakkan konsep ini kerana terpaksa bertindak tegas terhadap Persatuan Perjuangan yang merupakan pembangkang yang kuat. Beliau juga membenarkan sistem banyak parti dengan alasan ia penting untuk menegakkan konsep Demokrasi tetapi sistem banyak parti ini yang menjadi masalah kepada beliau dalam menyelesaikan masalah-masalah negara yang penting pada masa itu. Nampaknya pelopor sendiri terpaksa akur kalah dengan sistem Demokrasi Liberal dan ini membolehkan orang lain mengambil-alih tampuk pemerintahan.

Satu kelemahan pemimpin parti politik pada masa itu ialah walaupun membawa kebaikan namun ditentang hebat oleh pihak pembangkang atas kepentingan politik mereka. Mungkinkah seperti yang didakwa oleh Sukarno, Demokrasi Liberal tidak sesuai dengan keperibadian rakyat Indonesia. Kegagalan tiga kali membentuk Kabinet menyebabkan beliau tidak mahu menerima pelawaan Sukarno serta Hatta untuk menubuhkan Kabinet buat kali keempat. Akhirnya beliau menerima tawaran untuk menjadi wakil diplomat diluar negara.⁶³ Penubuhan Kabinet Keempat Republik Indonesia jatuh ketangan Amir Sjarifuddin.

⁶³Sjahrir sedar pihak Belanda lebih berminat untuk menyelesaikan masalah pada ketika itu melalui peperangan. Justeru itu beliau tidak mahu membentuk Kabinet seterusnya tetapi beliau lebih bersuka berkhidmat dengan Republik diluar negeri sebagai wakil diplomat. Sjahrir kemudian menjadi wakil Indonesia di Perhimpunan Bangsa-bangsa Bersatu. Lihat Bernhard Dahm, History of Indonesia, hlm170.

Kabinet Amir Sjarifuddin I

Amir Sjarifuddin telah diberi peluang untuk membentuk Kabinet selepas Sjahrir enggan membentuk Kabinet seterusnya.⁶⁴ Amir Sjarifuddin seperti Sjahrir terpaksa mencari sokongan dari parti lain khususnya dari parti berhaluan Islam. Kabinet Amir Sjarifuddin pertama bermula dari 3 Julai 1947 hingga 11 November 1947. Kabinetnya juga terdiri dari Parti Sosialis, PNI, dan Parti Buruh.⁶⁵ Rundingan lama dengan Belanda masih diteruskan; Belanda tetap dengan pendiriannya yang mahu menyerang Indonesia. Amir Sjarifuddin masih mengekalkan polisi yang ditinggalkan oleh Sjahrir dan meneruskan rundingan lama⁶⁶.

Pihak Belanda nampaknya tidak mempunyai niat baik untuk melaksanakan perjanjian Linggadjati yang dipersetujui bersama. Di bawah pemerintahan Amir Sjarifuddin pula pihak Belanda menguatkan lagi kedudukan keatas Indonesia melalui operasi tentera. Belanda berjaya menguasai beberapa kawasan utama seperti Jakarta, Bandung, Semarang dan lain-lain lagi. Melihat keadaan ini kerajaan Indonesia telah minta bantuan Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu untuk menyelesaikan masalah yang sekian rumit ini.⁶⁷

Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa pegawai-pegawai yang cekap (United Nations Good Offices Committee) pada bulan Oktober⁶⁸. Jawatankuasa pegawai-pegawai ini berjaya memainkan peranan

⁶⁴ Amir Sjarifuddin beragama Kristian dan merupakan orang yang sangat kuat menentang Jepun pada zaman pendudukan Jepun. Pernah memegang jawatan Menteri Pertahanan dibawah Kabinet Sjahrir. Lihat Merdeka, 29 Oktober 1947.

⁶⁵ Lihat Decree 7/1947(July 3 1947). Lihat juga Kahin, Nationalisme and Revolution in Indonesia, hlm.208.

⁶⁶ Merdeka, 29 Nopember 1947.

⁶⁷ Lihat Pidato Presiden Republik Indonesia pada Tanggal 17 Augustus 1947.

⁶⁸ Jawatankuasa pegawai-pegawai yang cekap (CGO) ini terdiri dari delegasi beberapa buah negara. Antaranya ialah dari negara Amerika Syarikat, Belgium, Australia dan Perancis untuk mengadakan rundingan. Cindy Adams, Sukarno: An Autobiography, hlm.251.

untuk menyelesaikan masalah diantara Indonesia dengan Belanda. Satu persetujuan dicapai untuk membawa kedua-dua pihak ke meja rundingan dan rundingan ini dikenali sebagai rundingan Renville. Sebelum Amir Sjarifuddin mengadakan rundingan Renville beliau telah membuat rombakan terhadap Kabinet dengan memperuntukkan lebih banyak kerusi kepada Parti Sosialis yang dipimpinnya.

Tujuan tersirat Amir Sjarifuddin ialah menguatkan kedudukan Kabinet Parti Sosialis di Parlimen dan menghadapi sebarang kemungkinan yang ditimbulkan oleh parti-parti lain sebelum memulakan rundingan Renville. Pada 8 Disember 1947, rundingan telah diadakan diantara parti politik Indonesia yang diketuai Amir Sjarifuddin dengan pihak Belanda. Rundingan ini dikenali sebagai rundingan Renville.⁶⁹ Walaupun persetujuan dicapai melalui rundingan dan ditandatangani pada 19 Januari 1947 namun ia membawa masalah besar kepada Kabinet Amir Sjarifuddin.

Selepas Perjanjian Renville⁷⁰ ditandatangani parti-parti utama yang sebelum ini menyokong Kabinet Amir Sjarifuddin mula menentang dan menarik balik sokongan mereka. Alasan mereka ialah Amir Sjarifuddin menerima semua kehendak Belanda yang menguntungkan pihak Belanda dalam Perjanjian Renville dan kehilangan hak banyak kepada pihak Indonesia. Diantara isi kandungan Renville yang menguntungkan pihak Belanda ialah daerah-daerah yang dikuasai oleh Belanda tetap berada di bawah kekuasaan mereka dan daerah-daerah yang diduduki oleh Belanda seperti Sumatera, Jawa

⁶⁹Rundingan ini diadakan disuatu kawasan neutral, iaitu diatas kapal pengangkut angkatan laut Amerika Syarikat yang tidak bersenjata yang bernama "Renville" yang berlabuh diperairan Filipina. Lihat, Pidato, Presiden Republik Indonesia Pada Tanggal 17 Agustus 1948. Lihat juga Cindy Adams, Sukarno: An Autobiography, hlm.250.

dan Madura masih menjadi milik Belanda.⁷¹ Nyata Perjanjian Renville memberi kelebihan kepada pihak Belanda berbanding pihak Indonesia.

Perjanjian Renville ini mendapat kritikan yang hebat dari parti pembangkang kerana pihak Indonesia terpaksa kehilangan banyak hak mereka. Perjanjian ini juga menyebabkan wilayah Republik Indonesia menjadi sempit dan ia merintis jalan kepada terbentuknya negara syarikat (United Indonesia). Perjanjian Renville ini telah membawa kepada kejatuhan kerajaan Amir Sjarifuddin. Kabinet Amir Sjarifuddin ini hanya berkuasa selama empat bulan sahaja. Tambahan pula hubungan antara Sjahrir dan Sjarifuddin juga menjadi bertambah buruk dan ia digambarkan seperti berikut:

*" The Split between the two groups became dangerously wide in January 1948, when Sjahrir's group opposed the Renville agreement sponsored and approved by Sjarifuddin as Prime Minister, his cabinet, and a majority of the Socialist Party, as well as by the Labor Party and Indonesian Communist Party. The Agreement was signed by Sjarifuddin and his cabinet resigned"*⁷²

Selepas kejatuhan Kabinet Amir Sjarifuddin I, tidak ada kumpulan lain yang mahu membentuk Kabinet seterusnya dan ini membolehkan Amir memperolehi peluang untuk membentuk Kabinet Amir Sjarifuddin yang kedua.

Kabinet Amir Sjarifuddin II

Kabinet Amir Sjarifuddin yang kedua bermula dari 11 November 1947 hingga 29 Januari 1948.⁷³ Walaupun Kabinet Amir Sjarifuddin diberi peluang kedua namun mereka

⁷¹ Ibid.

⁷² Perpecahan di dalam Parti Sosialis mula menjadi ketara diantara tokoh-tokoh utama khususnya diantara Sjahrir dan Sjarifuddin pada pertengahan tahun 1947. Sjahrir dalam surat beliau secara terbuka meminta Sjarifuddin untuk memastikan diri beliau sama ada seorang Nasionalis atau Komunis? Perpecahan dalam Parti sosialis ini adalah kerana sokongan Rusia terhadap pembentukan Republik Indonesia. Kebanyakan rakyat Indonesia berpendapat Rusia adalah kawan yang boleh dipercayai manakala Amerika tidak boleh dipercayai kerana secara tidak langsung menyokong tindakan Belanda. Lihat G.M. Kahin, " Indonesian Politics and Nationalism" dalam William L. Holland, (ed), Asian Nationalism and The West, Octogen Books, New York, 1973, hlm.89.

⁷³ Kabinet Amir yang kedua ini telah meletakkan jawatan pada 23 Januari 1948; dan terus menjalankan tugas sehingga 29 Januari 1948. Selepas itu Kabinet Presiden Sukarno mengambil alih tugas pemerintahan. Lihat Merdeka, 11 Februari 1955.

tidak dapat menjalankan tugas dengan baik disebabkan oleh tekanan pihak pembangkang.⁷⁴ Akhirnya Kabinet Amir Sjarifuddin yang kedua ini bertahan selama setengah bulan sahaja.⁷⁵ Sukarno sekali lagi dipertanggungjawabkan untuk memilih Kabinet yang baru. Kali ini Sukarno menubuhkan satu Kabinet yang bertanggungjawab kepada Presiden Sukarno dan bukan lagi kepada KNIP. Jelas Sukarno yang bosan dengan karenah parti politik telah memutuskan satu Kabinet yang bertanggungjawab kepada Presiden Sukarno.

Kabinet Presiden Sukarno

Presiden Sukarno tidak menghadapi banyak masalah untuk menubuhkan Kabinet yang bertanggungjawab kepada dirinya. Mengikut Undang-undang Dasar 45⁷⁶ beliau berhak melakukan dan ia mendapat sokongan kuat dari KNIP. Kabinet ini diketuai oleh Hatta dan langkah-langkah serius telah diambil untuk membawa semua wakil parti ke dalam Kabinet Presiden Sukarno⁷⁷. Usaha ini gagal menyebabkan hanya dua parti utama sahaja bergabung tenaga untuk menubuhkan Kabinet Presiden Sukarno. Kabinet Presiden Sukarno mula menjalankan tugas pemerintahan bermula 29 Januari 1948 hingga 4 Ogos 1949.⁷⁸

Kabinet Presiden Sukarno ini juga menghadapi pelbagai masalah dalaman politik disamping masalah dengan pihak Belanda. Kali ini Parti Komunis Indonesia sudah mula

⁷⁴Pihak pembangkang lebih mementingkan kepentingan politik daripada kepentingan negara.

⁷⁵G.M.Kahin, "Indonesian Politics and Nationalism", hlm.89-90.

⁷⁶Undang-undang Dasar 45 ialah undang-undang yang ditubuhkan pada tahun 1945 semasa mengisytiharkan proklamasi kemerdekaan Indonesia. Mengikut Undang-undang ini Presiden mempunyai hak yang penuh untuk menubuhkan kabinet yang bertanggungjawab kepada Presiden Indonesia. Lihat Pidato Presiden Republik Indonesia Pada Tanggal 17 Augustus 1949.

⁷⁷Kabinet ini disertai oleh PNI dan Masjumi. Kabinet ini buat pertama kali tidak diwakili puak kiri kerana tuntutan mereka yang mahukan jawatan utama dalam kabinet Presiden. Pidato Presiden Republik Indonesia Tanggal 17 Augustus 1949.

menggunakan rasa tidak puas hatinya terhadap Perjanjian Renville untuk menggulingkan kerajaan yang memerintah pada masa itu.⁷⁹ Kritikan yang hebat dilontarkan terhadap pemerintahnya yaitu Hatta dan secara tidak langsung Sukarno juga merasakan kritikan itu. Kekuatan pembangkang bertambah dengan penubuhan satu pakatan yang dikenali sebagai " Front Demokrasi Rakyat(FDR)⁸⁰". Keadaan menjadi bertambah buruk dengan kepulangan Musso dari Moskow yang membawa perubahan-perubahan besar dalam gerakan Komunis.

Semua parti yang menyokong ideologi Komunis seperti Parti Sosialis dan Parti Buruh telah berkerjasama dengan PKI. Amir Sjarifuddin mula menengetang semua bentuk rundingan dengan pihak Belanda. Amir Sjarifuddin juga berpendapat dalam situasi negara sekarang adalah tidak rasional berkerjasama dengan Belanda dan mahukan dasar anti-Imprealis seperti yang didokong oleh Komunis. Perkembangan politik ini akhirnya membawa kepada Pemberontakan Komunis di Madiun yang dikenali sebagai Pemberontakan 1948.

Parti Komunis Indonesia cuba memberontak dengan niat mahu menjatuhkan pemerintahan Sukarno. Walau bagaimanapun pemberontakan ini dapat dipatahkan dan ramai dari pemimpin PKI terbunuh.⁸¹ Selain masalah Pemberontakan PKI, kini FDR mula mendesak agar kerajaan memperhentikan dan membatalkan rundingan Renville.

⁷⁸ Presidential Decree 3/1948 (29 January 1948).

⁷⁹ J.D.Legge, Indonesia, hlm.263.

⁸⁰ FDR ditubuhkan pada 26 Februari 1948 dan diketuai oleh Amir Sjarifuddin. Beberapa parti telah menyertai pakatan pembangkang ini. Antaranya ialah PKI, Parti Buruh, ahli-ahli Sosialis, Pesindo, kesatuan perdagangan dan lain-lain lagi. Lihat Merdeka, 12 Juli 1948.

⁸¹ Beberapa tokoh utama terbunuh dalam pemberontakan ini termasuk Musso dan Amir Sjarifuddin. Lihat, D.N.Aidit, Pidatonya 23 Mei 1955, diterbitkan dengan judul Lahirnya PKI dan Perkembangnya 1920-1955, Jakarta 1955. Lihat juga Brackman, A.C., Indonesian Communism: A History, New York, 1963, hlm.64. Lihat juga Merdeka, 20 September 1948.

Anehnya yang mendesak ialah Amir Sjarifuddin- orang yang bertanggungjawab menandatangani Perjanjian Renville semasa menjadi Perdana Menteri.⁸² FDR juga mendesak agar satu Kabinet Demokrasi Liberal seperti dahulu dibentuk. Disamping masalah dalaman ini, Belanda pula telah memulakan operasi tentera untuk menguasai Indonesia dan kali ini Yogyakarta diserang dan Presiden serta pemimpin lain ditahan.⁸³ Keadaan ini menyebabkan satu Kabinet 'emergency' ditubuhkan untuk mengendalikan urusan pemerintahan negara.

Kabinet 'Emergency'

Kabinet 'Emergency' ini ditubuhkan pada 19 Disember 1948 hingga 13 Julai 1949.⁸⁴ Kabinet ini tidak berfungsi sepenuhnya kerana Presiden dan wakil Presiden ditawan oleh Belanda. Kabinet 'Emergency' ini diperintah secara formal oleh Sjarifuddin Prawiranegara dari Parti Masjumi.

Kabinet Hatta II

Selepas dibebaskan dari tahanan Hatta menubuhkan Kabinet yang kedua bermula dari 4 Ogos 1949 hingga 20 Disember 1949.⁸⁵ Hatta memegang kuasa politik sebenar pada peringkat ini. Hatta berjaya mendapat sokongan rakyat untuk memerintah Indonesia pada masa itu. Keadaan ini membawa sedikit rasa tidak puas hati kepada Presiden Sukarno. Kabinet Hatta II ini hanya bertahan selama empat setengah bulan sahaja.

Penilaian terhadap Kabinet dari tahun 1945-1949.

Jika kita lihat dalam masa empat setengah tahun perang kemerdekaan ini, Republik Indonesia diperintah oleh sepuluh Kabinet dan rata-rata setiap Kabinet

⁸² Lihat Pidato Presiden Republik Indonesia pada Tanggal 17 Augustus 1949.

⁸³ J.D.Legge, Indonesia, hlm.268-269.

⁸⁴ Lihat Susan Finch dan Daniel S.Lev, Republic Of Indonesia Cabinets, 1945-1965, hlm.16.

⁸⁵ Presidential Decree 6/1949(August 4, 1949)

berfungsi selama setengah tahun sahaja⁸⁶. Mungkinkah seperti yang didakwa oleh Sukarno Demokrasi Liberal tidak sesuai dengan masyarakat Indonesia? Kita juga boleh melihat dari awal-awal lagi Sukarno cuba menentang idea Demokrasi Liberal. Walau bagaimanapun Sukarno terpaksa menerima kekalahan dengan tekanan pemimpin lain untuk menerima Demokrasi Liberal di Indonesia⁸⁷.

Kebanyakan Sarjana Barat berpendapat pada masa inilah suasana politik di Indonesia lebih Demokratik. Pada pendapat saya kegagalan pemimpin-pemimpin Indonesia pada tahap ini untuk menjayakan konsep Demokrasi Liberal membawa kepada kehilangan kepercayaan rakyat terhadap konsep Demokrasi. Sekiranya para pemimpin bersatu mendukung demokrasi pada tahap awal ini mungkin sesuatu yang berhasil dapat dicipta untuk negara Indonesia dan juga rakyat Indonesia.

Daripada 4 1/2 tahun pemerintahan ini iaitu dari tahun 1945-1949, dasar-dasar pemerintahan serta cara pemerintahan pemimpin Indonesia, kita dapat membuat kesimpulan bahawa konsep 'Demokrasi Liberal' memang diwarisi dari pihak Belanda semasa Dasar Etika. Belanda telah memberikan keutamaan kepada aspek pendidikan semasa Dasar Etika dan golongan yang menerima pendidikan Barat ini lebih terpengaruh dengan ideologi Barat.⁸⁸ Pada pendapat saya, ideologi Demokrasi Liberal tidak banyak mempengaruhi masyarakat Indonesia bawahan kerana mereka tidak faham tentang sistem ini. Kebanyakan rakyat ini sekadar mengikuti pemimpin mereka dari masa ke semasa

⁸⁶Sukarno amat sedih dengan perkembangan ini dan baginya ini menunjukkan parti politik kehilangan tujuan dan cita-citanya. Nugroho Notosusanto, Pejuang dan Prajurit, hlm.85. Lihat juga Merdeka 11 Februari 1955.

⁸⁷Bernhard Dahm, History of Indonesia in Twentieth Century, hlm.120. Lihat juga Pidato P.J.M. Presiden Republik Indonesia pada Tanggal 17 Augustus 1950, Kamis jam 8.36 pagi di Istana Merdeka Djakarta.

⁸⁸Ibid., Lihat juga tulisan-tulisan Sukarno tentang pengertian Demokrasi yang bertajuk " Demokrasi-politik dan demokrasi-Ekonomi " dan juga satu lagi tulisan yang bertajuk "Demokrasi politik dengan demokrasi ekonomi= demokrasi sosial." dalam Dibawah Bendera Revolusi.

untuk melakukan sesuatu terhadap kerajaan yang memerintah. Ketaatan kepada ketua masing-masing menyebabkan mereka lebih taat kepada ketua tanpa memahami konsep sebenar Demokrasi Liberal.⁸⁹

Sepanjang zaman Revolusi ini, golongan yang paling banyak mendapat sokongan rakyat ialah golongan tentera. Kesungguhan tentera melawan penjajah Belanda telah menaikkan imej tentera sebagai pembela tanah air. Oleh kerana kepopularan ini para pemimpin politik juga cuba mendapatkan sokongan tentera untuk kepentingan politik masing-masing. Peranan tentera dalam keadaan tertentu yang menjaga keutuhan negara dari perpecah-pecah dan tidak jatuh ketangan penjajah Belanda telah merintis jalan kepada penglibatan politik secara serius.⁹⁰

Selepas mengalami penderitaan yang berpanjangan, perjuangan untuk mendapatkan kemerdekaan secara rasmi dari Belanda telah dicapai pada 27 Disember 1949. Persetiaan Hague telah disahkan dan Belanda telah memindahkan kuasa kepada kerajaan Indonesia. Selepas merdeka dari Belanda, kerajaan Indonesia secara lebih serius telah cuba implementasikan Demokrasi Liberal. Sebelum ini, Indonesia berada dalam period revolusi dan ini menyebabkan mereka menghadapi pelbagai masalah dalaman dan luaran yang menyebabkan gagalannya langkah-langkah kearah Demokrasi Liberal. Apakah usaha serius selepas merdeka dari Belanda membawa kejayaan kearah Demokrasi Liberal? Dalam perbincangan seterusnya kita dapat lihat keberkesanan usaha ini.

⁸⁹Ini boleh dilihat dalam Kabinet Amir Sjarifuddin walaupun dia yang menandatangani Perjanjian Renville tetapi selepas Kabinetnya tumbang beliau sendiri mendesak Kabinet seterusnya untuk membatalkan perjanjian Renville. Walaupun keadaannya begitu, ramai pengikut masih bersetia bersamanya. J.D. Legge, Indonesia, hlm.180.

⁹⁰Lihat 40 Tahun Angkatan Bersenjata Republik Indonesia, hlm.1.

KESIMPULAN

Langkah-langkah awal untuk memperkenalkan Demokrasi Liberal sudah bermula dari tahun 1945-1949 namun ia tidak dapat menegakkan konsep Demokrasi Liberal di Indonesia. Konflik antara pemimpin-pemimpin utama telah merintis jalan kepada kegagalan Demokrasi Liberal. Bab ini telah memberi gambaran awal tentang dan bagaimana konflik ini terus digunakan untuk menjatuhkan kabinet. Bab berikut dapat memperincikan lagi konflik antara individu.